

27/02/2001

WTO: Swasta harus terbabit sama

SEKTOR swasta di negara membangun perlu terbabit sama dengan kerajaan untuk merangka perjanjian perdagangan dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi melindungi kepentingan masa depan mereka, kata Pengarah Third World Network, Martin Khor dalam satu persidangan mengenai globalisasi.

Katanya, penyertaan itu perlu bagi membolehkan sektor swasta membantu kerajaan negara membangun merangka cadangan balas kepada cadangan perjanjian yang dirangka syarikat besar dari negara maju untuk dimasukkan dalam WTO.

Khor berkata, sektor swasta perlu memainkan peranan aktif dalam merangka perjanjian perdagangan dalam WTO agar mereka tidak dipergunakan pelbagai syarikat besar dari negara maju yang kebanyakannya terbabit merangka perjanjian WTO untuk kerajaan mereka.

"Tahap kesedaran mengenai kepentingan sektor swasta di negara membangun mengenai perlunya pembabitan mereka dalam merangka perjanjian perdagangan sangat rendah.

"Sering kali terjadi adalah apabila masyarakat perniagaan di rantau ini diminta menubuhkan satu jawatankuasa kajian memantau butiran perjanjian yang sedang digariskan negara maju, mereka memberi alasan ia sukar ditubuhkan kerana ia memerlukan mereka mengeluarkan kos tambahan," katanya.

Khor berkata, keadaan itu amat tidak menggalakkan bagi negara membangun. Ini kerana syarikat besar di negara maju terbabit dalam merangka perjanjian untuk kepentingan mereka sendiri. Sektor swasta di negara membangun tidak mengetahui rancangan mereka. Apabila cadangan berkenaan dibentangkan dalam rundingan WTO, sektor swasta negara membangun akan lambat untuk membuat cadangan balas.

Beliau berkata demikian selepas membentangkan kertas kerja dalam Persidangan Antarabangsa mengenai Globalisasi di Kuala Lumpur, semalam. Seminar dua hari itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut membentangkan kertas kerja dalam sesi bertajuk Globalisasi & negara selatan: Isu Kritikal dan Cabaran termasuk bekas wakil tetap India ke GATT, Geneva Prof Bhagirath Lal Das dan Ketua Pengarah Institut Ekonomi dan Politik Dunia Akademi Sains Sosial China, Prof Yu Yongding.

Prof Bhagirath, dalam nada amaran menyatakan bahawa adalah tidak tepat menganggap bahawa globalisasi dalam banyak keadaan membawa kepada peningkatan kecekapan.

"Globalisasi tidak menggalakkan persaingan jika ia hanya dikaitkan dengan penggabungan dan pengukuhan industri. Jika semakin banyak industri bergabung menjadi beberapa syarikat gergasi yang akhirnya tidak memberikan perkhidmatan cekap kerana tidak ada persaingan daripada syarikat kecil," katanya.

Apa yang lebih penting menurut Bhagirath, globalisasi perlu dibimbing oleh kerajaan terutama di negara miskin. "Jika tidak globalisasi tidak akan membawa kepada persaingan dan kecekapan."

Sementara itu, Yongding yang memberikan perspektif China terhadap WTO, berkata kemasukan negara itu ke dalam WTO tidak seharusnya dipandang sebagai ancaman kepada negara membangun lain berikutan China memfokus kepada meningkatkan permintaan domestik.

(END)